

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB. SYERLEENA BINTI ABDUL RASHID**

1. Memandangkan terdapat peralihan kuasa Kerajaan Persekutuan, apakah status menyerahkan astaka-astaka ICU ke MBPP?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Terdapat sejumlah 10 astaka dan 506 unit gerai milik Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang (PPNPP) ICU, JPM telah diserahkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) secara prinsipal sebelum peralihan kuasa Kerajaan Persekutuan.

Sehubungan itu, hal-hal membabitkan pengurusan dan pentadbiran astaka seperti penawaran unit gerai kepada penjaja dan pembersihan premis adalah di bawah bidang kuasa MBPP sepenuhnya. Pada ketika ini, pihak MBPP sedang membuat penyelenggaraan bagi kerosakan-kerosakan kecil di astaka-astaka terbabit.

Senarai astaka dengan butiran terperinci adalah seperti di jadual:-

Bil	Nama Kompleks	Lokasi	Tuan Tanah	Unit Gerai
1	Kompleks Makanan Taman Tun Sardon	Gelugor	Kerajaan Negeri	26
2	Kompleks Makanan Medan Suri	Sungai Nibong	MBPP	56
3	Kompleks Persimpangan Gelugor	Jalan Akuarium	Kerajaan Negeri	22
4	Kompleks Makanan Mutiara Selera	Tanjung Bungah	Kerajaan Negeri	46
5	Kompleks Makanan Tanjung Selera	Lebuh Light	Kerajaan Negeri	9

6	Kompleks Pantai Mas, Batu Feringgi	Batu Feringgi	Kerajaan Negeri	27
7	Kompleks Makanan Padang Tembak	Padang Tembak	Kerajaan Negeri	260
8	Kompleks Astaka Stadium, Jalan Perak	Jalan Perak	MBPP	30
9	Kompleks Jalan Terengganu	Jalan Terengganu	Kerajaan Negeri	10
10	Kompleks Kampung Melayu, Air Itam	Air Itam	Kerajaan Negeri	20